

AKTIVITI PEMBELAJARAN PDPR

Kuiz Bahasa Seni Visual Tahap 2

1. Apakah unsur seni yang terhasil daripada cantuman titik-titik yang bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain?

- A. Rupa
- B. Garisan
- C. Jalinan

2. Merah, kuning dan biru ialah warna...

- A. Primer
- B. Tertier
- C. Sekunder

3. Yang manakah antara berikut menunjukkan jalinan sentuh?

A		
B		
C		

4. Lihat situasi berikut:



Pokok-pokok yang dilukis semakin kecil apabila semakin jauh.

Apakah unsur seni yang digunakan untuk menunjukkan keadaan tersebut?

- A. Ruang
- B. Warna
- C. Garisan

5. Sebuah corak menggunakan bentuk dan warna yang sama secara berulang-ulang. Apakah prinsip rekaan yang paling sesuai?

- A. Irama
- B. Kontra
- C. Penegasan

6. Apakah prinsip rekaan yang digunakan apabila satu bahagian karya seni menjadi **tumpuan utama** seperti rupa angsa dalam lukisan di bawah ?



- A. Harmoni
- B. Penegasan
- C. Imbangan

7. Antara berikut, yang manakah menunjukkan **warna kontra**?

- A. Merah dan jingga
- B. Biru dan hijau
- C. Merah dan hijau

8. Jika seorang murid menghasilkan gambar bunga menggunakan warna yang hampir sama seperti merah, jingga dan kuning, apakah prinsip rekaan yang paling jelas?

- A. Harmoni
- B. Kontra
- C. Pergerakan

9. Apakah perbezaan utama antara **rupa** dengan **bentuk**?

A. Rupa mempunyai warna manakala bentuk tidak mempunyai warna

B. Rupa bersifat dua dimensi manakala bentuk mempunyai isipadu

C. Rupa mempunyai jalinan manakala bentuk mempunyai garisan

10. Untuk menghasilkan karya seni seperti di bawah saiz atau berat antara

bahagian kiri dan kanan perlu sama. Apakah prinsip rekaan yang digunakan?



A. Irama

B. Imbangan

C. Penegasan